

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT  
KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KE EMPAT BELAS (2021)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [ TANJONG ]**

**TARIKH : 7 DISEMBER 2021 [SELASA]**

**SOALAN**

**TUAN CHOW KON YEOW [ TANJONG ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan tindakan dan perancangan Kerajaan bagi memelihara kawasan tadahan air Ulu Muda. Adakah Lembaga Lembangan Ulu Muda (UMBA) sebagaimana dicadangkan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) sebelum ini diluluskan. Jika ya, bila ia akan dilaksanakan dan sekiranya tidak, nyatakan sebabnya. Apakah pendirian Kerajaan Pusat berhubung pengumuman terkini Kerajaan Negeri Kedah yang meluluskan kawasan pembalakan membabitkan 25,000 hektar di Hutan Ulu Muda daripada jumlah keluasan 75,000 hektar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan penubuhan Lembaga Lembangan Ulu Muda (*Ulu Muda Basin Authority* – UMBA) sebagai sebuah badan berkanun bebas di bawah Kementerian ini yang bertanggungjawab ke atas sumber air bagi tiga Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) iaitu Perlis, Kedah dan Pulau Pinang adalah bertentangan dengan peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan.
2. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perkara berkaitan dengan sumber air dan tanah adalah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, selaras dengan Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan, Senarai II –

Senarai Negeri. Justeru, melalui cadangan ini Kerajaan Persekutuan dilihat akan melangkaui (*encroaches*) kuasa perundangan kerajaan negeri.

3. Kementerian ini maklum bahawa, berdasarkan Perkara 11 (b), Senarai 1, Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa perundangan terhadap *interstate river*. Walau bagaimanapun, melalui peruntukan ini, Kerajaan Persekutuan hanya mempunyai kuasa ke atas sungai yang merentasi sempadan negeri itu sahaja.

4. Cadangan penubuhan UMBA yang dikemukakan oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) turut mencadangkan pematuhan “Rancangan Lembangan Ulu Muda” yang melibatkan tanah, sumber air dan hutan yang merupakan bidang kuasa perundangan dan eksekutif kerajaan negeri. Dalam hal ini, Kementerian telah membuat semakan terhadap Enakmen Sumber Air Kedah, 2008 dan ia jelas menyatakan bahawa kawasan lembangan sungai adalah termasuk tanah yang berada di sekitar sungai. Enakmen tersebut juga telah memperuntukkan perkara berkaitan penyediaan rancangan lembangan sungai di negeri itu.

5. Walau bagaimanapun, bagi memelihara kawasan tadahan air Ulu Muda, Kementerian telah melaksanakan pendekatan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (*Intergated River Basin Management-IRBM*) di Lembangan Sungai Muda pada tahun 2018. Pelan IRBM ini perlu dijadikan asas oleh Kerajaan Negeri bagi pembangunan guna tanah di Lembangan Sungai Muda untuk mengelakkan berlakunya insiden pencemaran dan memastikan sumber air yang bersih serta mencukupi.

6. Sehubungan dengan itu, adalah wajar kedua-dua negeri iaitu Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri Kedah mengadakan perbincangan bagi mengenal pasti kaedah yang terbaik serta tindakan bersepadu dalam menyelesaikan isu yang telah lama berlanjutan ini. Kementerian ini bersedia untuk menjadi pemudahcara (*moderator*) bagi rundingan di antara kedua-dua Kerajaan Negeri agar kelestarian sumber air dan alam sekitar di Lembangan Sungai Muda terpelihara.

Sekian, terima kasih.